

Semua penjawat awam wajib masuk kelas 'AI Untuk Rakyat'

Program dalam talian bertujuan tingkat kesedaran penggunaan teknologi canggih

Oleh Adib Povera
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Semua penjawat awam pada peringkat Persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan diarah melengkapkan program pembelajaran dalam ta-

lian 'AI Untuk Rakyat'.

Program dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini adalah bagi memastikan peningkatan kesedaran awam terhadap penggunaan teknologi termaju Kecerdasan Buatan atau AI.

Arahan itu dinyatakan dalam surat edaran 'Pelaksanaan program 'AI Untuk Rakyat' Dalam Kalangan Penjawat Awam' bertarikh 17 Januari lalu yang ditandatangani Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

Surat pekeliling itu dihantar kepada ketua setiausaha semua kementerian, ketua jabatan pe-

ringkat Persekutuan, setiausaha kerajaan negeri serta ketua badan berkanun pada peringkat Persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan.

"Semua penjawat awam di kementerian/jabatan/agensi peringkat Persekutuan, di negeri serta badan berkanun pada peringkat Persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan dikehendaki menyelesaikan program pembelajaran ini untuk mendapatkan pengiktirafan 'AI Aware dan AI Appreciate'.

"Ini bertujuan memastikan peningkatan kesedaran dalam kalangan penjawat awam mengenai penggunaan teknologi canggih.

"Penyertaan penjawat awam

dalam program 'AI untuk Rakyat' ini dilihat berupaya meningkatkan pencapaian pelaksanaan inisiatif pendigitalan oleh kerajaan dalam perkhidmatan awam," katanya dalam pekeliling itu.

Tiada tarikh akhir

JPA tidak menetapkan tarikh akhir secara khusus bagi penjawat awam menyelesaikan program berkenaan.

Bagaimanapun, JPA mahu kemajuan mengenai penyertaan dalam program itu diserahkan kepada Kementerian Ekonomi.

Program 'AI Untuk Rakyat' dilancarkan oleh Anwar pada 16 Januari lalu, manakala program pembelajaran dalam talian itu

adalah kerjasama antara MyDigital Corporation dan Intel Corporation.

Program itu boleh diakses melalui www.ai.gov.my yang disediakan dalam bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin dan Tamil dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu AI Aware dan AI Appreciate, yang boleh diselesaikan dalam tempoh masa kira-kira empat jam.

Ketika melancarkan program itu, Perdana Menteri memberikan tempoh sehingga bulan depan kepada anggota Kabinet untuk mengemukakan laporan berkaitan dengan kemajuan peningkatan kesedaran dan literasi AI di kementerian masing-masing.